

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

**YBP 224 – Perhubungan Awam**

Masa: 2 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 3 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab DUA ( 2 ) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Anda telah dipanggil temuduga untuk jawatan pegawai perhubungan awam (PRO) di sebuah syarikat insurans yang belum pernah mempunyai bahagian perhubungan awamnya. Semasa ditemuduga, ketua pegawai eksekutif syarikat tersebut mengakui bahawa beliau tidak pasti apakah perhubungan awam tetapi beliau sedar syarikatnya memerlukan seseorang untuk menaikkan imej syarikatnya dan merancang sesuatu untuk menonjolkan syarikat tersebut di mata publik dan industri.

Anda diminta menerangkan bidang tugas dan fungsi perhubungan awam serta bagaimana anda akan menjalankan program-program perhubungan awam sekiranya anda diambil bekerja di syarikat tersebut. Anda boleh membincangkan fungsi-fungsi perhubungan awam seperti yang diterbitkan oleh Persatuan Perhubungan Awam Amerika (PRSA).

(100 markah)

2. Salah satu organisasi yang menjadi pelanggan anda telah mengalami pertumbuhan yang pesat, beberapa cawangan baru telah ditubuhkan dan jumlah kakitangan turut bertambah sejak lima tahun kebelakangan ini. Pelanggan ini meminta nasihat anda tentang keperluan dan matlamat program komunikasi kakitangan. Nasihatkan pelanggan anda dengan menjelaskan kenapa komunikasi publik dalaman penting dengan menyentuh tentang matlamatnya dan bentuk komunikasi yang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej kepada publik dalaman.

(100 markah)

3. Menurut Cutlip, Center & Broom (1994), apabila membentuk mesej perhubungan awam untuk pihak media pengamal perhubungan awam perlu memberi perhatian pada nilai berita mesej tersebut. Senaraikan dan bincangkan kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak media untuk menentukan nilai berita sesuatu mesej perhubungan awam seperti yang diutarakan oleh pengarang-pengarang tersebut.

(100 markah)

-0000000-